

Nama Suratkhbar : Berita Harian (Segmen Rencana)

Tarikh : 18 Disember 2014 (Khamis)

Mukasurat : 28

28 **RENCANA**B.H. (Khamis) 18/12/14, ms 28-Rencana
Minda Pengarang**Bahasa Melayu
mampu kembali
kegemilangan**

Sekitar abad ke-13, iaitu pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, bahasa Melayu mencapai tahap gemilangnya apabila ia berfungsi sebagai *lingua franca*, iaitu bahasa perhubungan antara penduduk tempatan dengan pedagang asing bagi menjalankan urusan perniagaan. Namun, penjajahan Melaka oleh Portugis, Belanda dan Inggeris menyebabkan kedudukan bahasa Melayu merosot. Walaupun selepas itu wujud usaha dalam kalangan pejuang bahasa memartabatkan bahasa Melayu, masih belum dapat mencapai taraf bahasa antarabangsa dan ramai yang sangsi akan keupayaannya menjadi bahasa ilmu, sungguhpun ada yang meramalkan ia akan menjadi antara bahasa utama dunia dan berada pada kedudukan atas susunan bahasa yang mempunyai ramai penutur. Dijangkakan, menjelang tahun 2020 penutur bahasa Melayu di seluruh dunia adalah 300 juta orang, kira-kira 3.9 peratus daripada penduduk dunia. Apa pun kedudukannya, kita melihat cadangan pelaksanaan Sijil Kecekapan Bahasa Melayu untuk Warga Asing (SKBMW) yang dikemukakan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) kepada Kementerian Pendidikan, sekiranya diterima Kabinet akan mempercepatkan usaha mengantarabangsakan bahasa Melayu seterusnya mengembalikan kegemilangannya. Mengikut cadangan itu semua pelajar asing akan diwajibkan menduduki ujian berkenaan bermula pada September tahun depan bagi menguji kecekapan bahasa Melayu mereka untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) negara ini.

Dengan kedudukan Malaysia kini sebagai antara hab pendidikan serantau, negara ini menerima jumlah kedatangan pelajar asing yang agak besar setiap tahun dan jumlahnya dijangkakan terus meningkat. Pada tahun 2011, seramai 70,509 pelajar antarabangsa dari lebih 150 negara menuntut di IPT di negara ini. Ini bermakna, mahu tidak mahu, pelajar asing yang datang ke negara ini perlu mempelajari bahasa Melayu yang sekali gus, akan meningkatkan bilangan penutur bahasa ini. Peningkatan dalam bilangan penutur bahasa Melayu ini secara langsung akan membolehkan cita-cita pejuang bahasa untuk melihat bahasa Melayu menjadi bahasa dunia dan menjadi bahasa perhubungan seperti yang pernah dinikmatinya ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka dahulu menjadi kenyataan. Ini juga sebenarnya akan memberikan ruang yang lebih besar kepada pasaran bahan bacaan dalam bahasa Melayu kerana bilangan penuturnya semakin meningkat. Namun, apa yang lebih menarik, tidak mustahil suatu hari nanti jika kita ke Finland atau Lesotho misalnya, akan ada ramai warganya yang memahami bahasa Melayu dan tidak berasa asing apabila mendengar bahasa itu dipertuturkan.